

# 'Ramai siswa bukan sebab kebolehan...'

K. 114 APR 1975

MELAKA. — Anad. Menteri Pelajaran, Dr. Mahathir Mohamed, menjelaskan jika ujian pra-mahasiswa diadakan cuma yang benar-benar layak akan diterima memasuki universiti.

Menurut beliau, sebahagian besar pelajar universiti hari ini sepatutnya tidak diterima sebagai mahasiswa.

Beliau menyebut pertambahan jumlah pelajar Melayu di institusi pengajian tinggi pada hakikatnya bukan kerana kebolehan istimewa mereka tetapi adalah hasil usaha pihak tertentu yang menghendakinya.

Dr. Mahathir berkata demikian merasmikan persidangan agung ke 27 Gabungan Pelajar-Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), di Sekolah Menengah Munshi Abdullah pagi tadi.

Pihak yang dimaksudkan itu ujar beliau telah menentukan agar pelajar-pelajar Melayu yang berkelayakan minima juga dapat diberi ketutamaan.

"Ini adalah pedih didengar dan mungkin



DR. MAHATHIR

menimbulkan perasaan malu tapi ianya adalah satu kenyataan dan kebenaran.

"Untuk memasuki universiti pihak tersebut boleh memberi pertolongan tapi untuk menyelarap penerimaan pelajar cuma pelajar-pelajar yang boleh menentukannya.

"Mereka yang mesti belajar dan bukan orang lain yang mesti belajar untuk mereka.

Dr. Mahathir menegaskan suasana di universiti kini tidak lagi sesuai

untuk belajar kerana tidak wujudnya ketenteraman dan "panas setiap masa."

Beliau menyatakan jika para pelajar kini dibakar dengan tuduhan-tuduhan mengenai apa yang dikatakan ketidakadilan masyarakat.

"Dalam keadaan ini mereka yang berkelayakan minima tidak dapat belajar dan takut menghadapi peperiksaan.

"Keadaan yang tidak tenteram dalam universiti mendorong para pelajar yang tidak begitu baik sukar memperbaiki kualiti pelajaran mereka.

"Pelajar mungkin berkata — tunjuk perasaan, kegiatan politik dan rancangan-rancangan masa cuti — tidak menjejaskan pelajaran mereka.

"Tetapi keputusan peperiksaan memberi gambaran yang lain dan gambaran ini menunjukkan dengan jelas; penguasaan pelajaran mereka tidak boleh dibanggakan," ujarnya.

Beliau memuji sikap tegas GPMS yang memusatkan seluruh kegiatannya untuk pelajaran; cara-cara paling berkesan mempertinggi mutu pelajaran anak-anak Melayu.